

# Dr. Mahathir patut jadi rujukan

UM 30 OCT 2001

KUALA LUMPUR 29 Okt. — Seorang profesor di Universiti California, Los Angeles berpendapat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad patut menjadi rujukan pentadbiran Presiden George W. Bush dalam melaksanakan kempen Amerika Syarikat untuk memengaruhi keganasan.

Profesor Tom Plate percaya AS perlu mengambil kira pandangan Dr. Mahathir, pemimpin Asia yang

paling lantang mengkritik peranan dana lindung nilai Barat dan penyangk mata wang.

“Dalam apa jua keadaan, Dr. Mahathir selalu menyatakan apa yang difikirkannya. Beliau mengenali Asia dan dunia Islam lebih baik daripada sesiapa pun di Washington,” katanya.

Dalam artikel yang disiarkan oleh akhbar *South China Morning Post* hari ini, Plate memetik gesaan

Perdana Menteri supaya pentadbiran Bush melakukan sesuatu untuk memenangi hati dan minda umat Islam.

“Beliau (Dr. Mahathir) menyifatkan keganasan Taliban sebagai ‘penyakit yang menghinggapi kita, dan penyakit ini berpunca daripada mereka yang menyalahgunakan agama Islam untuk kepentingan peribadi — oleh orang yang merampas agama.

## pentadbiran Bush — Prof. Plate

“Dr. Mahathir secara terbuka menyatakan kebimbangan bahawa pengeboman Amerika akan mendorong lebih banyak orang Islam menjadi radikal, termasuk mereka yang (sebelum ini) menolak tindakan puak militan terhadap orang yang tidak berdosa,” menurut artikel itu.

Plate memberi amaran yang AS kini berada dalam kedudukan bahaya.

“AS (mungkin) memenangi peperangan menentang keganasan tetapi tewas dalam perang yang lebih besar untuk mendapatkan penghormatan daripada dunia Islam,” katanya.

Dalam artikelnya, Plate turut menyentuh mengenai Sidang Kemuncak Ekonomi Asia Timur Ke-10 yang berlangsung di Hong Kong dan mesyuarat pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai minggu lepas.

Beliau melihat negara-negara Asia kini mula membuat persiapan menghadapi serangan krisis mata wang terbaru dengan mengukuhkan kerjasama sesama sendiri, lebih-lebih lagi selepas bantuan AS lambat diterima oleh rantau itu semasa krisis kewangan 1997-1999.

“Jika Asia hendak membuat apa juga rumusan daripada trauma itu, rantau tersebut perlu bersedia mempertahankan diri sendiri,” katanya.